

Berhati-Hatilah Melihat Filem *Sepuluh Rukun*

Panggung CATHAY Singapura sedang menunjukkan terus-menerus filem "*Sepuluh Rukun*" iaitu cerita yang bersabit dengan riwayat Bani Israel di bawah Fir'aun dan sepenuhnya bolehlah disebut filem ini ditujukan meriwayatkan sejarah Nabi Mūsā semenjak kecil sehingga masa wafatnya. Riwayat yang difilemkan ini, menurut keterangannya adalah diasaskan daripada cetera-cetera Kristian. (Injil)

Nabi Mūsā adalah seorang nabi yang wajib diimankan oleh orang-orang Islam dan kerana itu wajiblah bagi tiap-tiap pemeluknya tidak tercebur kepada cetera-cetera yang tidak benar atasnya kerana cetera mengenai Nabi Mūsā dengan kaum Bani Israel itu banyak benar diceterakan oleh al-Qur'ān. Sebab itu tatkala melihat filem ini hendaklah

ada, modal memadai bagi mereka sekadar daya upayanya tetapi bantuan kerja mustahak diberi kepada mereka.

Jadi, menurut pendapat kita, tatkala memberi bantuan itu, mustahak sungguh penyelidikan yang luas dijalankan semoga daripada penyelidikan itu dapat diberi pertolongan menghidupkan ekonomi orang-orang Melayu - tidak satu cara - tetapi berbagai-bagai cara yang tidak sama, mengikut keadaan masing.

Sekiranya ada sebab-sebab yang lebih utama maka hendaklah binaan ekonomi Melayu itu diasaskan daripada kanak-kanak lagi dengan memberi pelajaran-pelajaran yang menghidupkan kepada mereka semangat berusaha di dalam jiwanya kerana tiap-tiap sesuatu usaha itu kalau tidak tertanam jiwanya maka tidak ada ertinya. Tiap-tiap orang yang bersemangat yang penuh itu sahaja yang boleh jadi di dalam usahanya sedang kalau semangat tidak ada maka tidak langsung ertinya untuk meneruskan usaha itu.

Orang-orang yang beriktikad bahawa apa yang diceterakan itu adalah cetera-cetera karut, cetera-cetera Kristian yang bertentangan dengan cetera yang sebenar yang diterangkan oleh al-Qur'ān.

Kerana filem ini ditonton juga oleh banyak orang-orang Islam dan tentu pula banyak di antaranya orang-orang awam yang tidak mengenal sejarah Nabinya, Nabi Mūsā, yang wajib diimankan sebagai Nabi dan Rasul Tuhan maka moleklah di sini kita memberi penerangan-penerangan tentang cetera-cetera yang tidak benar atau yang bertentangan dengan apa yang diceterakan oleh al-Qur'ān.

Menurut sejarahnya bahawa orang-orang bani Israel yang berada di Mesir itu ialah semenjak daripada Nabi Yūsūf 'alayhi al-salām - mereka adalah keturunan daripada anak-anak Nabi Ya'qūb; dan menjadilah mereka 12 kabilah iaitu terdiri daripada 12 orang-orang anak Nabi Ya'qūb itu .

Semenjak daripada masa 400 tahun mereka di sana mereka telah kembang biak menjadi seramai 600, 000 orang lebih tetapi malangnya mereka diperhamba oleh Fir'aun - dalam masa itulah mereka dipaksakan sebagai hamba membina dua buah bandar untuk Fir'aun - yang disebut *Ramesses* (disebut dalam sejarah Arab dengan nama *Ra'masīs*)

Di dalam cetera di filem itu, Nabi Mūsā hanya ditunjukkan dihanyutkan oleh ibunya dan diawasi oleh kakaknya Maryam di dalam sebuah bakul padahal

sejarahnya sebelum itu, tidak ditunjukkan, perkara-perkara yang berlaku ketika ia disembunyikan di tempat pembakaran roti yang bernyala.

Setelah dihanyutkan sampai di istana Fir'aun hilang pula cetera masa kecilnya yang ia disusu oleh ibunya sendiri selama dua tahun iaitu cetera yang utama semenjak Mūsā kecil.

Sesudah itu - ditunjukkan masa mudanya, sesudah besar bersama-sama anak Fir'aun sendiri yang bakal menjadi *Ra' masīs* yang mengaku tuhan kemudiannya yang bertentang dengan Mūsā.

Cetera-cetera semasa kecilnya di istana Fir'aun tidak ditunjukkan hanya yang ditunjukkan masa dewasanya dalam masa ia ditunjukkan ditugaskan membina sebuah bandar baharu di dalam mana dalam masa itu ada ditunjukkan ia menyelamatkan seorang perempuan (ibunya sendiri) daripada tergiling di bawah batu dan kemudian untuk menyenangkan hati Fir'aun Mūsā membuat sebuah patung.

Di sinilah ceteranya yang bertentangan betul dengan apa yang diajarkan oleh Islam. Di dalam al-Qur'an tidak ada disebut langsung hal ini dan membuat patung oleh seorang Nabi sudah tentu tidak diterima oleh Islam.

Di dalam masa dewasanya adalah sangat menyolok mata seorang Nabi boleh bercium-cium dengan seorang perempuan.

Supaya ulasan ini tidak menjadi panjang maka di sini seterusnya disebutkan perkara-perkara yang bertentangan dengan riwayat-riwayat yang ditunjukkan oleh al-Qur'an yang wajib dipercayai oleh orang-orang Islam.

1. Filem itu disebut. Mūsā balik kepada kaumnya mengikut menjadi hamba setelah ia mengetahui yang ia adalah keturunan Bani Israel - bukan keturunan

Fir'aun. Ahli-ahli tafsir Islam tidak pernah menyebut yang demikian itu.

2. Perkelahian terjadi disebabkan oleh perempuan - dalam masa Yusha' hendak menyelamatkan seorang perempuan Bani Israel daripada dijadikan hamba untuk ditiduri oleh pegawai tinggi Fir'aun. Yusha' tertangkap dan kemudian Mūsā datang ke sana lalu



Daripada filem *Sepuluh Rukun* menunjukkan Mūsā dengan tulisan-tulisan perintah Tuhan yang ditulis di batu-batu.



Dalam filem *Sepuluh Rukun* menunjukkan Mūsā sedang dalam perjalanan ke Madyan.

memukul pegawai Fir'aun itu hingga mati. Kejadian itu dilihat oleh Sāmīrī seorang bani Israel yang bekerja dengan Fir'aun. Akhirnya kejadian itu ia menerangkan kepada Fir'aun dengan janji mendapat upahan. Daripada ini membawa kepada Mūsā ditangkap dan dihadapkan dengan berantai di hadapan Fir'aun dan kemudian ia diampunkan oleh saudara pungutnya dengan diberi sesuatu tongkat. Dari sini Mūsā terus pergi ke Madyan.

Dalam cetera ini bertentangan betul dengan cetera al-Qur'an. Perkelahian yang terjadi ialah di antara seorang bani Israel dengan seorang Mesir kerana orang Mesir mencerca peribadatan orang-orang bani Israel itu. Orang bani Isreal meminta tolong kepada Mūsā kemudian Mūsā terus memukul orang Mesir itu lalu mati. Orang

itu ditanam oleh mereka berdua. Mūsā sangat menyesal atas perbuatannya dan ia pun berjalanlah di sana-sini di dalam kota.

Tidak berapa lama antaranya ia terjumpa lagi dengan orang bani Isreal yang dahulu sedang bergaduh pula dengan orang Mesir lain. Apabila dilihatnya Mūsā datang maka ia meminta tolong lagi kepada Mūsā tetapi Mūsā telah marah kepadanya. Apabila dilihatnya Mūsā marah kepadanya disangkanya Mūsā hendak memukulnya dan kerana itu ia berkata kepada Mūsā: "Adakah engkau akan pukul pula aku seperti engkau pukul orang Mesir (Qibtī) dahulu?"

Orang Qibtī yang ditarik Mūsā dari tangan bani Israel itu apabila balik kepada kaumnya menceterakan hal ini lalu mengadukan kepada Fir'aun dan Fir'aun menyuruh menangkap Mūsā: seorang pegawai istana yang kasihkan Mūsā dapat tahu perintah ini lalu ia pun memberitahu Mūsā dan menasihatkan Mūsā supaya keluar dari Mesir. Dengan nasihat itu Mūsā pergilah seorang diri ke Madyan.

3. Cetera di perigi juga lain - Mūsā

berjumpa dengan tujuh wanita dan wanita-wanita itu sukacita apabila Mūsā menolong mereka memberi air kambing-kambingnya dengan suatu cara yang tidak sopan.

Padahal menurut cetera Islam Mūsā hanya berjumpa dua orang. Mūsā tidak memandang kepada perempuan itu dan begitu juga apabila ia dipersilakan oleh ayah perempuan itu apabila angin bertiup Mūsā meminta perempuan itu berjalan di belakang kerana sebahagian anggota perempuan ternampak. Di dalam ini lebih-lebih lagi tidak sedap dipandang apabila perempuan-perempuan anak orang tua itu menari-nari di hadapan orang-orang lelaki kerana meminta dipilih jadi calon isteri. Yang tak sedap ini kerana

orang-orang Islam memandang orang tua ayah perempuan itu Nabi Shu'ayb - bukan Yathrūn.

4. Apabila sudah sepuluh tahun di Madyan, tatkala Mūsā balik ke Mesir di tengah jalan berjumpa dengan Yusha' (Joshua) yang kononnya melarikan diri dari tangkapan Fir'aun meminta supaya Mūsā balik ke Mesir membantu kaumnya padahal di dalam cetera al-Qur'ān ia hanya kemalaman, kerana malam sejuk ia melihat api dan ia mengatakan kepada isterinya supaya menunggunya dan ia akhirnya berjumpa dengan suatu pohon yang bercahaya dan kemudian mendengar suara memerintahkan kepada Mūsā pergi ke Mesir untuk menghapuskan perbuatan-perbuatan Fir'aun yang zalim. Di sini ia suruh mencampakkan tongkatnya yang didapatnya dari ayah mertuanya - apabila dicampakkan menjadi ular dan kemudian mukjizat lagi satu iaitu

mengepit tangan di ketiak lalu menjadi putih. Di dalam gambar tidak ditunjukkan tongkat dilepaskan menjadi ular.

Selain daripada banyak perselisihan, lagi cetera filem itu ada seperkara yang besar yang sangat salahnya pada pandangan Islam iaitu tatkala orang ramai menyembah patung mas' yang dibuat oleh Sāmīrī, Harūn bersama-sama di dalam istiadat itu. Ini adalah menyalahi benar kerana Harūn adalah ia sebagai Nabi.

Kerana menjadi panduan kepada pembaca, umat Islam khususnya maka supaya jangan tersesat bacalah buku "Sejarah Nabi Mūsā" keluaran Qalam harganya \$ 1.20. Buku ini dikarang oleh 'Idrus berasaskan kepada cetera-cetera al-Qur'ān. Baca ini, sebagai panduan supaya kita jangan tersesat.



Nabi Mūsā sedang mengerah angkatan tenteranya keluar dari Mesir